

UMP hasilkan biodiesel daripada minyak masak terpakai

UNIVERSITI Malaysia Pahang (UMP) kini dalam proses kajian untuk menjadikan minyak masak terpakai sebagai biodiesel yang dijalankan oleh penyelidik UMP sendiri.

Projek ini dijangka dapat mengurangkan ketergantungan terhadap bahan bakar fosil yang digunakan oleh semua kenderaan masa kini di samping harganya yang tidak stabil.

Menurut Naib Canselor UMP, Profesor Datuk Dr. Mohamed Said Mat Lela, UMP mempunyai 'pilot plant' di Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli yang berupaya menghasilkan biodiesel untuk kegunaan kenderaan UMP.

Malah UMP juga mempunyai makmal yang lengkap dengan kemudahan untuk menganalisa biodiesel dan sumber asli yang

"Projek ini sangat baik kerana ia bukan sahaja menghasilkan bahan bakar yang lebih mesra alam dan boleh diperbaharui, malah projek ini mendedahkan kepada komuniti tentang kesan tadbirur-bahan cemar yang tidak betul," katanya.

Tambahnya lagi, pembuangan minyak masak terpakai di longkang akan mencemarkan sumber asli dan menghasilkan bau yang kurang menyenangkan hasil proses fermentasi.

Selain itu katanya, UMP juga berhasrat mengaplikasikan penghasilan biodiesel daripada minyak masak terpakai di seluruh Pahang dan menjadikan negeri ini sebagai negeri mesra alam.

"Kita bercadang untuk mendirikan pusat pengumpulan minyak masak terpakai di seluruh Pahang dan menubuhkan 'biodiesel plant' di setiap Majlis Daerah dan Majlis Perbandaran bagi menghasilkan biodiesel untuk kegunaan masyarakat seperti di UMP," katanya.

Kata Said lagi, projek ini bukan sahaja menjimatkan kos bahan api malah ia lebih mesra alam dengan kos pengeluaran yang murah dan penghasilan bahan bakar yang boleh diperbaharui.



PROFESOR DATUK DR.
MOHAMED SAID MAT L

Snar Hanine
5/11/07 Pg. 43
Isnin